

21 MAY 2003

Mahathir-Pemulihan/I

SOKONG KERAJAAN DALAM USAHA PEMULIHAN, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa semua rakyat Malaysia termasuk pekerja dan persatuan, supaya mengelak mengambil tindakan yang boleh menjejaskan proses pemulihan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan sebaliknya mahukan mereka menyokong ekonomi negara dengan berbelanja lebih dalam Malaysia dan tidak membawa ke luar negara wang mereka.

"Mereka mesti bekerjasama. Mereka tidak harus menimbulkan masalah lain. Jika mereka mengambil sebarang tindakan yang menjejaskan pemulihan, maka sudah tentu pemulihan akan menjadi amat sukar," katanya pada persidangan media selepas mendedahkan pakej ekonomi yang ditunggu-tunggu yang menggariskan strategi baru untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata para pelabur hanya akan bersedia menanam modal di sini jika iklim pelaburan sesuai bagi mereka.

"Dan jika dilihat bahawa negara ini tidak stabil dari segi pekerjaannya, maka sudah tentu pelaburan akan berkurangan dan ini sebaliknya akan menjejaskan pemulihan negara," katanya.

Ketika mengulas lanjut mengenai perlunya rakyat membelanjakan wang dalam negara, beliau berkata atas sebab inilah kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi membolehkan mereka mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan.

Pakej itu termasuk pengumuman setengah bulan gaji bagi hampir 1 juta kakitangan awam, dan pengurangan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja dari 11 kepada 9 peratus untuk setahun bermula bulan depan .

Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia melepaskan kutipan beberapa hasil bagi mengurangkan beban masyarakat peniaga yang kini menghadapi masa sukar disebabkan ekonomi global goyah dan akibat daripada wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS serta pencerobohan Iraq.

Ditanya bagaimana kerajaan boleh mendapatkan balik hasil yang hilang itu, beliau berkata ia akan boleh berbuat demikian jika ekonomi dirangsangkan.

"Untuk mendapatkan balik wang itu amat mudah. Jika ekonomi dirangsang, lebih banyak perniagaan dijalankan. Sudah jelas bagaimana cara sekalipun kerajaan akan mengutip lebih banyak cukai jika rakyat meraih lebih banyak keuntungan. Kerajaan layak mendapat 28 peratus daripada keuntungan itu," katanya.

Ditanya mengenai kebimbangan bahawa langkah-langkah itu akan disekat oleh kerana birokratik, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berpuas hati dengan sistem pelaksanaan yang ada kerana masih terdapat rungutan mengenai kemudahan mendapatkan dana yang bertujuan membantu mereka.

"Ini disebabkan oleh pelbagai prosedur dan ada masanya para pegawai terlalu berhati-hati. Disebabkan itu orang ramai merasakan begitu tidak berpuashati.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sedar bahawa ramai orang telah memilih untuk meminjam daripada peminjam haram wang atau lebih dikenali sebagai "Along," dan akhirnya akan menyedari yang mereka berdepan dengan masalah.

Strategi baru itu yang diumumkan hari ini, termasuk langkah untuk

mengurangkan pembiayaan kos dan memudahkan cara mendapatkan hutang serta mengelak peminjam kecil daripada mendapatkan wang dari peminjam wang haram, melalui kelonggaran syarat pinjaman di bawah skim kredit-makro.

"Kita mahu lebih memudahkan mereka," kata Dr Mahathir sambil berkata peminjam akan datang masih perlu melalui prosedur yang betul.

Mengenai situasi SARS, beliau berkata ia mungkin mengambil masa tiga bulan untuk mengembalikan semula keyakinan terutama dalam industri pelancongan.

Dr Mahathir turut diminta menghuraikan tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk memanfaatkan nilai aset fizikal institusi pengajian tinggi yang dianggarkan lebih RM15 bilion sebagai kaedah untuk membangunkan sumber baru pertumbuhan,

Katanya ini tidak akan melibatkan penjualan mana-mana aset.

Beliau berkata kemudahan-kemudahan boleh digunakan lebih giat lagi seperti bagi rujukan penyelidikan sementara sekolah satu sesi boleh menggunakannya untuk kelas malam.

Mengenai cadangan untuk menarik lebih ramai pelajar asing ke negara ini, beliau berkata mereka akan membawa masuk aliran wang.

Beliau berkata "Kita mesti ingat bahawa seorang pelajar asing adalah bersamaan dengan 365 pelancong yang datang ke sini untuk sehari.

"Kerana mereka tinggal lebih lama dan membelanjakan lebih banyak wang untuk makan, tempat tinggal, mereka terbang menggunakan penerbangan kita dan kadangkala anggota keluarga mereka datang ke sini."

Mengenai satu pandangan bahawa dengan terlalu banyak berita baik yang terkandung dalam pakej ekonomi itu, orang mungkin mengaitkan dengan bajet pilihan raya, Dr Mahathir berkata: "Terpulang kepada anda untuk membuat spekulasi. Ini sebuah negara bebas. Anda boleh fikir apa yang anda suka, sama ada akan ada pilihan raya atau tidak. Saya tidak ada masa untuk membayangkannya."

-- BERNAMA

MAM RON